

27.1 Sebahagian besar daripada mereka telah menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian di atas Tanah tersebut lebih daripada 7 tahun;

27.2 Aktiviti-aktiviti pertanian mereka adalah satu-satunya sumber pendapatan untuk Pemohon Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Kesembilan dan sebahagian daripada mereka telah meminjam wang bagi tujuan pelaburan dalam aktiviti-aktiviti pertanian mereka;

27.3 Bahawa Pihak Berkuasa Negeri jelas mengetahui aktiviti-aktiviti mereka di atas Tanah tersebut dan secara tersirat telah bersetuju dan/atau memberi kebenaran (berlesen) untuk mereka kekal di atas Tanah tersebut dan meneruskan aktiviti-aktiviti pertanian mereka;

27.4 Sepanjang pendudukan mereka di atas Tanah tersebut, Pihak Berkuasa Negeri tidak pernah mengganggu aktiviti-aktiviti mereka atau dalam apa-apa cara membantah pendudukan mereka di atas Tanah tersebut;

27.5 Mereka tidak mempunyai amaran terhadap Notis tersebut dan bahawa tiada rundingan atau perbincangan sebelum Keputusan tersebut dibuat;

27.6 Mereka hanya telah diberikan 14 hari untuk mengeluarkan semua hasil dan produk mereka, di mana ianya satu tempoh yang tidak munasabah dan tidak mencukupi untuk mencari plot tanah baru dan kemudiannya memindahkan keseluruhan ladang mereka ke situ;

27.7 Tidak ada tawaran untuk membayar apa-apa pampasan bagi kehilangan mata pencarian mereka atau untuk memindahkan mereka ke sebuah plot tanah lain bagi membolehkan mereka meneruskan aktiviti-aktiviti pertanian mereka.

28. Pemohon Pertama hingga Kesembilan kemudian menjelaskan bagaimana teruknya mereka akan terjejas oleh Keputusan tersebut dan keperitan ekonomi yang akan dihadapi mereka dan keluarga mereka jika mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan aktiviti pertanian mereka di atas Tanah tersebut atau sebahagian tanah yang lain.

29. Saya juga secara peribadi terkesan dengan Keputusan tersebut –

29.1 akibat impak Keputusan tersebut terhadap Pemohon Pertama hingga Kesembilan yang berada dalam kawasan Parlimen saya;

29.2 ianya adalah satu langkah ke arah kemerosotan aktiviti pertanian di Malaysia seperti yang dinyatakan di atas yang hanya akan terus meningkatkan ancaman keselamatan makanan. Daripada melakukan semua dalam kuasa mereka untuk menggalak, membantu dan menggalakkan aktiviti pertanian, Keputusan itu langsung tidak mengabaikan dan menjadikan sumbangan para petani dan aktiviti pertanian mereka kepada masyarakat Sungai Siput tempatan dan rakyat Perak dan Malaysia tidak penting sama sekali; dan

29.3 ianya memberi kesan kepada usaha saya sebagai Ahli Parlimen untuk membangkitkan isu keselamatan makanan kepada Kerajaan

30. Oleh itu, adalah diputuskan bahawa Pemohon Pertama hingga Kesembilan akan menulis surat kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah Pejabat Tanah di Sungai Siput untuk memohon suatu mesyuarat untuk membincangkan perkara ini. Surat ini bertarikh 20.4.2015.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **surat tersebut kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah bertarikh 20.4.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "MJD-6".

31. Pada 21.4.2015, saya mengiringi para petani ke Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyerahkan surat yang dinyatakan di atas. Saya berjaya mengadakan pertemuan singkat dengan Ketua Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput [KPPD], Tuan Haji Muhammad Faisal Shah bin Safian Sufri. Pembantu saya Encik Khaw Seng Hean, bersama-sama dengan Pemohon Ketiga (Encik Lau Hiap Lee) dan Pemohon Ketujuh (Encik Nagespneren) turut hadir dalam mesyuarat tersebut. Dalam mesyuarat ini, kami menekankan kesan ekonomi Keputusan tersebut bagi petani. Kami dimaklumkan oleh CADO dan memerhatikan daripada pelan tapak Tanah tersebut bahawa sebuah sekolah telah dirancang untuk dibina di atas Tanah tersebut.

32. Walau bagaimanapun, Encik Mohamad Faizal menegaskan bahawa dia tidak dapat menarik balik Notis tersebut. Saya kemudiannya meminta agar Pemohon Pertama dan Kesembilan sekurang-kurangnya perlu diberi masa untuk berpindah, dibayar pampasan dan diberi plot tanah alternatif untuk menempatkan semula aktiviti pertanian mereka. KPPD berkata beliau akan menyampaikan rayuan kami kepada pihak atasan dan akan menghubungi kami pada akhir bulan ini.
33. Dalam pengalaman saya sebagai seorang Ahli Parlimen, saya sesungguhnya percaya bahawa apabila Pihak Berkuasa Negeri membuat keputusan untuk memulakan projek-projek kerajaan di mana-mana tanah, rancangan tersebut perlu dibincangkan dan dinilai 1 atau 2 tahun lebih awal. Saya rasa kecewa bahawa Responden tidak, sekurang-kurangnya, memaklumkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan mengenai rancangan tersebut secepat mungkin supaya mereka tidak akan melabur wang ke Tanah mengetahui bahawa pendudukan mereka di atas Tanah tersebut akan terkesan.
34. Pada 26.4.2015, sebagai langkah berjaga-jaga, saya mengiringi para petani untuk membuat laporan polis mengenai situasi mereka. Saya menasihatkan mereka untuk melakukan ini kerana jika Pejabat Daerah dan Tanah telah memutuskan untuk meneruskan tindakan mereka seperti yang dinyatakan dalam Notis, mereka akan menelefon polis untuk memudahkan proses. Saya mahu pihak polis tahu akan dialog kami dengan Pihak Berkuasa Negeri.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **laporan polis bertarikh 26.4.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "**MJD-7**".

35. Saya dan Pemohon Pertama hingga Kesembilan menunggu sehingga akhir bulan April untuk respon daripada KPPD untuk permintaan kami tetapi tiada jawapan daripada pihak berkuasa.

36. Saya kemudiannya menulis surat kepada Menteri Besar Perak untuk mengadakan temujanji bagi membawa Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk berjumpa dengan beliau dan bagi peluang untuk saya memaklumkan beliau mengenai ancaman keselamatan makanan. Setakat ini, saya belum menerima sebarang jawapan daripada Menteri Besar Perak.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **surat-surat yang ditujukan kepada Menteri Besar Perak bertarikh 3.5.2015 dan 5.5.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "**MJD-8**".

37. Pada 6.7.2015, saya menulis kepada KPPD sekali lagi meminta tarikh bertemu dengannya untuk membincangkan beberapa isu-isu tertunggak termasuk petani-petani Padang Tembak. Sekali lagi, saya tidak menerima sebarang tindakbalas atau respons.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya adalah sesalinan benar **surat yang ditujukan kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah bertarikh 6.7.2015** yang ditandakan sebagai Eksibit "**MJD-9**".